

EK

ECONEWS

PM GESA PELABUR JEPUN CEBURI INDUSTRI BERASAS SUMBER

GENTING HIGHLANDS, 26 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa pelabur-pelabur Jepun menempatkan industri mereka ke luar Lembah Klang yang masih ketinggalan daripada segi pembanqunan.

Katanya pelabur Jepun akan banyak membantu jika mereka sanggup menempatkan operasi mereka di koridor timur Semenanjung Malaysia serta di Sabah dan Sarawak.

Tempat-tempat berkenaan merupakan sebahagian daripada kawasan paling indah di negara ini dan pembangunannya penting kepada kemakmuran ekonomi, katanya di dalam perutusannya kepada persidangan tahunan ke-17 Persatuan Ekonomi Malaysia-Jepun dan Persatuan Ekonomi Jepun Malaysia (MAJECA-JAMECA), yang bermula di sini hari ini.

Daripada 1,000 syarikat Jepun di negara ini, sebanyak 85 peratus terletak di Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Johor, manakala hanya lapansyarikat terdapat di Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Yang lainnya terletak di Kedah, Negeri Sembilan, Melaka, Perak, Sabah dan Sarawak, dan satu di Perlis.

Dr Mahathir berkata memandangkan insentif sekarang, tidak sepatutnya ada sebarang kekurangan dalam menempatkan pelaburan Jepun, yang telah menyumbang dengan ketaranya kepada pertumbuhan industri Malaysia.

Beliau juga menggesa pelabur Jepun menceburi industri-industri berasaskan sumber seperti makanan serta kegiatan berasaskan minyak sawit dan kayu, memandangkan 56 peratus daripadanya tertumpu kepada perkilangan.

Daripada syarikat-syarikat perkilangan itu, 41 peratus terbahit dalam keluaran barangan elektronik dan elektrik, dengan kategori berikut yang terbesar ialah di dalam petroleum, kimia, keluli dan keluaran logam bukan besi.

Sementara kehadiran syarikat-syarikat Jepun amat ketara di bidang-bidang bukan perkilangan seperti pembinaan dan kejuruteraan, diikuti oleh bidang bukan perkilangan "syarikat-syarikat Jepun harus menumpukan kepada bidang-bidang ekonomi yang lain."

Dr Mahathir menggesa anggota perwakilan JAMECA menghalakan pelaburan mereka ke bidang-bidang yang kurang mempunyai kehadiran Jepun.

Di dalam perutusannya pula, Perdana Menteri Jepun Tomiichi Murayama berkata perhubungan Jepun dan Malaysia yang sentiasa berkembang, terutamanya di dalam perdagangan dan pelaburan, telah menyebabkan ekonomi antara kedua-dua negara saling bergantung.

Katanya jumlah perdagangan yang kian meningkat itu digambarkan oleh bilangan syarikat Jepun yang makin banyak menempatkan operasi mereka di Malaysia. Tahun lepas saja 151 syarikat Jepun mulai beroperasi di Malaysia, menjadikan jumlah bilangan syarikat Jepun di Malaysia sehingga ini kepada 1,000.

Presiden JAMECA, Tan Sri Masami Ishii, di dalam ucapannya pada pembukaan persidangan itu berkata beliau yakin defisit perdagangan Malaysia dengan Jepun adalah satu fenomena sementara.

Katanya eksport barangan pertengahan dan modal Jepun ke Malaysia sedang meningkat dengan banyaknya kerana aktiviti pelaburan semula oleh syarikat-syarikat Jepun, yang akhirnya menyumbang kepada perkembangan eksport Malaysia.

Ishii berkata bahawa satu misi perdagangan Jepun untuk menggalakkan import keluaran buatan Asean pada Oktober ini, akan membantu menangani masalah perdagangan tidak seimbang antara Malaysia dengan Jepun.

Beliau juga berkata bahawa berasaskan kepada soal selidik yang dikendalikan oleh Dewan Perdagangan dan Perindustrian Jepun di Malaysia (JACTIM), Malaysia masih menawarkan persekitaran pelaburan asing terbaik, sungguhpun China hampir di belakangnya, dengan yen memaksa syarikat-syarikat Jepun menempatkan semula pangkalan pengeluarannya di seberang laut. -- Bernama